



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	18/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	JPNP		

Tanam pokok hutan

Raub: Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat kini sedang menjalankan kerja menanam pokok hutan di kawasan Hutan Simpan Batu Talam (HSBT) yang dijadikan kebun durian musang king secara haram sebelum ini.

Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Wan Ghazali Wan Ali berkata, sebanyak 8,000 pokok ditanam dalam tempoh seminggu.

Katanya, antara 60 hingga 75 kakitangan JPNP menjalankan kerja menanam setiap hari dan dibahagi ke-

pada beberapa kumpulan.

“Bentuk muka bumi berbukit di kawasan terbabit antara cararan dihadapi petugas.

“Disebabkan kenderaan pacuan empat roda tidak dapat ke kawasan terbabit, aktiviti memindahkan anak pokok terpaksa dilakukan menggunakan raga diubah suai untuk digalas.

“Program tanam pokok hutan terdiri daripada jenis merawan, meranti, balau, keruing dan beberapa spesies lain di-

lakukan tanpa henti hingga selesai. Di-

jangka kira-kira 20,000 pokok akan ditanam di kawasan 101 hektar,” katanya.

Metro Ahad, 18
Jul 2021_13

**20,000 pokok
ditanam di kawasan
seluas 101 hektar**

